



UCAPAN

YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN

LAPORAN LAKSANA KELAPAN
PELAKSANAAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT
(PRIHATIN)

9 JUN 2020



1. Assalamualaikum WBT dan Salam Hormat. Alhamdulillah, dapat kita bersama dalam Laporan Laksana Ke-8 pada hari ini. *Welcome to the 8th Laksana progress report.*
2. Apa khabar semua? Sepertimana yang kita semua sedia maklum, YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, telah mengumumkan pada hari Ahad yang lalu bahawa mulai 10 Jun, kita akan memasuki fasa **Kawalan Perintah Pergerakan Pemulihan**, atau **PKPP**.
3. Alhamdulillah, PKPP akan melihat kelonggaran tambahan diberikan kepada Rakyat dalam menjalani kehidupan seharian, dan antara yang dinanti-nantikan adalah kebolehan merentas sepadan negeri. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan menikmati kelonggaran ini dengan penuh tanggungjawab. Teruskanlah mematuhi SOP. Jika balik kampung untuk berjumpa Tok Wan, Tok Cik dan ibu bapa tersayang, jangan lupa memastikan faktor keselamatan dan kebersihan sentiasa dijaga. COVID-19 masih merupakan "*invisible enemy*" kita. Oleh itu, janganlah kita leka.
4. PKPP yang akan bermula esok juga berkait rapat dengan usaha pemulihan ekonomi negara. Peniaga-peniaga pasar malam, pasar tani, bazar medan selera semua akan dapat beroperasi tidak lama lagi.

5. InsyaAllah, dengan penerusan bantuan di bawah Pakej PRIHATIN dan juga permulaan bantuan di bawah PENJANA, iaitu Pelan Jana Semula Ekonomi Negara kehidupan dan keadaan ekonomi Rakyat akan bertambah baik.
6. Laporan saya pada hari ini akan menyentuh 2 perkara utama, iaitu:
 - a. Pertama, pencapaian pelaksanaan langkah-langkah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (atau PRIHATIN); dan
 - b. Kedua, ulasan mengenai Pelan Jana Semula Ekonomi Negara, PENJANA.

STATUS PELAKSANAAN PRIHATIN

Saudara dan saudari yang dihormati,

7. Izinkan saya bermula dengan perkongsian status pelaksanaan PRIHATIN. Kita mulakan dengan langkah-langkah di bawah **Matlamat Pertama PRIHATIN** iaitu **“Lindungi Rakyat”**.
8. **Pertama, Bantuan Prihatin Nasional atau BPN:** Secara keseluruhannya, daripada 10.6 juta penerima yang diluluskan, seramai 10.04 juta telah dibayar dengan jumlah bayaran sebanyak RM10.78 bilion atau 96.7%. Selebihnya penerima boleh menuntut di cawangan BSN sehingga 31 Disember 2020. Bagi kumpulan Rayuan, keputusan dijangkakan pada pertengahan bulan Jun. Tarikh terperinci akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

BPN Kumpulan Pertama: 8.3 Juta (Fasa Pertama dan Kedua)				
	Penerima Fasa Pertama (6 -15 April)	Jumlah bayaran	Penerima Fasa Kedua (4 - 22 Mei)	Jumlah bayaran
M40 Bujang	0.44	RM0.11 bilion	0.46	RM0.12 bilion
M40 Isi Rumah	0.76	RM0.39 bilion	0.75	RM0.38 bilion
B40 Bujang	3.27	RM1.63 bilion	3.24	RM0.97 bilion
B40 Isi Rumah	3.49	RM3.49 bilion	3.51	RM2.10 bilion
Keseluruhan	7.96	RM5.62 bilion	7.96	RM3.57 bilion

BPN Kumpulan Kedua (2.3 juta)		
	Jumlah Penerima (sehingga 5 Jun)	Jumlah bayaran
M40 Bujang	1.09	0.55
M40 Isi Rumah	0.48	0.48
B40 Bujang	0.38	0.29
B40 Isi Rumah	0.17	0.27
Keseluruhan	2.12	1.59

9. Kedua, ialah program **i-Lestari KWSP**. Sehingga 5 Jun, sebanyak **4.1 juta permohonan telah diluluskan**, iaitu peningkatan daripada 4 juta sebelum ini. Jumlah pembayaran ini melibatkan **RM1.94 bilion sebulan**.

i-Lestari	Jumlah diluluskan* (RM bilion)	Permohonan diluluskan* (juta)
5 Jun	1.94	4.1
31 Mei	1.90	4.0
17 Mei	1.83	3.9
10 Mei	1.76	3.7
3 Mei	1.66	3.5
26 April	1.57	3.3
19 April	0.70	1.5
12 April	0.57	1.17

*Jumlah Kumulatif

10. Ketiga, bagi langkah **pengurangan caruman KWSP oleh pekerja daripada 11% kepada 7%**, sehingga 5 Jun, lebih 5.7 juta pekerja memilih untuk meneruskan pengurangan caruman mereka. Jumlah pengurangan caruman yang telah diterima ahli KWSP sehingga ini adalah **RM1.87 bilion**. Jumlah pencarum yang memilih untuk mengekalkan caruman pada kadar 11% kini sebanyak 1.85 juta (berbanding 1.7 juta sebelum ini).
11. Keempat, bagi bayaran khas **RM600 secara one-off yang akan diberikan kepada pemandu pelancong** atau *tour guides*, sehingga 5 June masih terdapat pembayaran tertangguh untuk **1,868 daripada 8,323** pemandu pelancong disebabkan maklumat bank yang tidak tepat. Mereka yang layak tetapi masih belum mendapat bayaran bolen menuntut pembayaran secara tunai di kaunter BSN mulai 15 Jun 2020.
12. Pada kesempatan ini, saya ingin berkongsi perkembangan mengenai program **Geran Khas Hasanah** yang telah dilancarkan pada 14 April oleh Kementerian Kewangan dan Yayasan Hasanah. Geran khas ini adalah bagi menyokong program-program sosial yang boleh meningkatkan kualiti hidup serta memulihkan ekonomi kumpulan sasaran. Ini termasuk komuniti B40, komuniti mudah terjejas (ataupun *vulnerable*), orang asal, warga emas, gelandangan, kanak-kanak yang berisiko, wanita, belia dan orang kelainan upaya dari seluruh Malaysia. **Sukacita saya maklumkan bahawa setakat 6 Jun 2020, 19 projek sosial telah diluluskan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM3.6 juta diagihkan**. Antara projek yang telah diluluskan adalah:
- Pertama, projek penanaman sayur-sayuran secara lestari alam dan penyalurannya kepada pengguna dari Padawan ke Kuching, Sarawak;
 - Kedua, projek menghasilkan madu kelulut bersama penduduk FELDA di Jempol, Negeri Sembilan;

- c. Ketiga, projek meningkatkan pencapaian dalam matapelajaran sains dan matematik bagi kanak-kanak sekolah rendah golongan B40 melalui platform teknologi pendidikan secara dalam talian; dan
- d. Keempat, projek untuk memperluaskan kemudahan kaunselling bagi wanita-wanita yang mengalami penderaan dan kanak-kanak yang mengalami penderaan seksual.
- e. Untuk maklumat lanjut sila layari laman web: yayasanhasanah.org/
- f. Tahniah diucapkan kepada semua penerima, dan terima kasih di atas usaha melaksanakan program bagi membantu mereka yang memerlukan. Moga geran dapat digunakan sebaik mungkin, selamat maju jaya diucapkan.

Saudara dan saudari yang dihormati.

13. Seterusnya saya ingin berkongsi status pelaksanaan langkah-langkah di bawah **Matlamat Kedua PRIHATIN** iaitu **“Sokong Perniagaan”**.
14. Pertama, untuk **Subsidi Upah**, sehingga 5 Jun, sebanyak **RM4 bilion** telah diluluskan bagi **293,033 majikan** yang memanfaatkan **2.3 juta pekerja**. Ini adalah peningkatan jumlah yang diluluskan sebanyak RM780 juta untuk 100 ribu pekerja berbanding dua minggu sebelumnya.

Subsidi Upah Peruntukan: RM13.8 bilion	Jumlah diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Majikan*	Jumlah Pekerja* (juta)
5 Jun	4.00	293,033	2.3
31 Mei	3.22	286,338	2.2
17 Mei	2.24	267,752	2.0
10 Mei	2.10	258,165	1.9
3 Mei	1.90	235,000	1.7
26 April	1.35	195,000	1.5
19 April	1.20	159,000	1.0

*Jumlah kumulatif

15. Kedua, saya ingin berkongsi mengenai **Program Pengekalan Pekerja** atau **Employment Retention Programme (ERP)** yang dikawal selia oleh PERKESO. Sukacita saya mengumumkan bahawa sehingga 5 Jun, seramai **202 ribu pekerja telah diluluskan bersamaan dengan RM121 juta**.
16. Ketiga, ialah **Program Bantuan Majikan Covid-19 (e-CAP) KWSP**. Setakat 5 Jun, sebanyak **29,600 permohonan telah diterima**, dan hampir **6,500 permohonan telah**

diluluskan bernilai **RM42.9 juta** bagi caruman KWSP majikan, berbanding RM34.8 juta minggu lalu.

Bantuan majikan Covid-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)
5 Jun	29,601	6,457	42.9
31 Mei	26,509	5,245	34.8
17 Mei	20,771	3,168	20.6
10 Mei	13,690	2,032	13.4

*Jumlah kumulatif

17. **Keempat**, mengenai **Dana Pinjaman Mudah PKS (SME Soft Loans Funds)** yang **dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)**. Setakat **5 Jun**, permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetujuterima oleh PKS adalah **RM7.5 bilion**, dan ini akan memanfaatkan **18,227 PKS**. Jumlah ini termasuk dana *Special Relief Facility* dan *Agrofood Facility*.

Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetujuterima* (RM bilion)	Jumlah PKS*
5 Jun	7.5	18,227
31 Mei	6.9	16,833
17 Mei	5.8	14,075
10 Mei	4.7	11,975
3 Mei	3.0	6,840
26 April	1.5	3,636

*Jumlah kumulatif

18. **Kelima**, adalah mengenai **Geran Khas Prihatin (GKP) untuk PKS mikro**.
- Bagi 81,260 permohonan yang melalui semakan lanjut oleh LHDN, adalah dimaklumkan bahawa 35,800 permohonan (atau 44%) telah diluluskan. Mereka boleh mula membuat semakan mulai hari ini (9 Jun). **Bagi mereka yang lulus, bayaran akan dibuat pada hujung bulan Jun.**
 - Tempoh rayuan masih dibuka sehingga 15 Jun melalui portal rasmi LHDN iaitu gkp.hasil.gov.my.** Saya diberitahu LHDN bahawa antara sebab-sebab tidak lulus adalah salah isi borang – contohnya syarikat yang didaftarkan sebagai ‘sendirian berhad’ diisi sebagai ‘perkongsian’ dalam borang permohonan asal. Dalam portal rayuan, perayu boleh mengemukakan sijil syarikat yang berkenaan untuk pertimbangan lanjut LHDN. Saya berharap pemilik perniagaan mikro mengambil peluang untuk perkara ini.
19. **Keenam**, mengenai **Skim Kredit Mikro BSN dan TEKUN Nasional**, sehingga 5 Jun,

- a. Di bawah skim kredit mikro BSN, sebanyak **5,222** permohonan daripada peniaga mikro telah diluluskan, bernilai **RM191 juta**.
- b. Bagi program TEKUN pula, jumlah permohonan yang diluluskan ialah **19,382**, dengan nilai **RM151 juta**.

Skim Kredit Mikro Peruntukan: RM700 juta dengan kadar 0%	Kredit Mikro BSN		Tekun	
	Jumlah* PKS yang lulus	Nilai* (RM juta)	Jumlah* PKS yang lulus	Nilai* (RM juta)
5 Mei	5,222	191	19,382	151
31 Mei	4,587	175	15,949	128
17 Mei	3,537	145	12,104	101
10 Mei	2,626	114	8,562	72
3 Mei	2,026	90	4,981	42
26 April	1,703	76	1,769	15

*Jumlah Kumulatif

PENJANA (PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA)

Saudara dan saudari yang dihormati,

20. Syukur Alhamdulillah, pada minggu lalu YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara, atau PENJANA, yang bernilai RM35 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM10 bilion adalah suntikan fiskal langsung.
21. PENJANA mempunyai 3 matlamat utama iaitu **Memperkasakan Rakyat** (*Empower People*), **Melonjakkan Perniagaan** (*Propel Businesses*), dan **Merangsang Ekonomi** (*Stimulate the Economy*). Bagi setiap 40 inisiatif yang diumumkan, ia akan memenuhi salah satu daripada 4 objektif berikut:
 - a. **Mewujudkan pekerjaan dan membendung pengangguran** (*Enabling work and reducing unemployment*);
 - b. **Memastikan keupayaan berbelanja dan aliran tunai** (*Ensuring affordability and providing liquidity*);
 - c. **Digitalisasi dan operasi dalam norma baharu** (*Digitalisation and operating in the new norm*); dan

- d. **Meningkatkan keyakinan pengguna dan pelabur** (*Increasing consumer and investor confidence*).

22. Ada yang bertanya, apakah yang akan terjadi kepada Pakej PRIHATIN? **Saya ingin mengingatkan bahawa bantuan-bantuan Pakej PRIHATIN masih berterusan sejajar dengan PENJANA.**

- a. Ada langkah-langkah PRIHATIN yang berjalan sehingga bulan Jun dan ada yang sehingga bulan September. Seperti yang diumumkan YAB Perdana Menteri minggu lalu, di bawah Pakej PRIHATIN, lebih 2.4 juta pekerjaan diselamatkan, lebih 11 juta Rakyat menerima bantuan bagi mengurangkan beban aliran tunai, dan lebih 300 ribu syarikat dibantu. InsyaAllah, usaha ini berterusan.
- b. PENJANA pula merupakan pelan pemulihan ekonomi jangka pendek yang akan dilaksanakan antara bulan Jun dan Disember 2020. Bagi langkah-langkah memperkasakan rakyat, tumpuan khusus telah diberikan kepada pekerjaan dan sehubungan itu Kerajaan memperuntukkan hampir RM9 bilion yang memanfaatkan seramai 3 juta tenaga pekerja, manakala bagi perniagaan, pelbagai inisiatif tersedia untuk membantu syarikat bersaiz besar, PKS, serta mikro.

23. Pada kesempatan ini, saya ingin mengumumkan bahawa terdapat beberapa inisiatif di bawah PRIHATIN yang akan dijanjikan ke bawah PENJANA untuk tujuan pelaksanaan yang lebih efektif dan demi manfaat kumpulan sasar.

24. Pertama ialah **Program Pengekalan Pekerja atau *Employment Retention Programme (ERP) PERKESO***. Sehingga 5 Jun, lebih 202,000 pekerja telah menerima manfaat berjumlah lebih RM240 juta di bawah program ERP ini (iaitu tambahan peruntukan sekali ganda daripada RM120 juta yang asalnya).

- a. Dalam tempoh PKP Bersyarat yang akan berakhir pada 9 Jun, Kerajaan mendapati permohonan ERP semakin berkurangan, daripada 15,000 seminggu pada bulan April sehingga kurang 300 permohonan seminggu pada awal Jun. Pengurangan ini dilihat berlaku selaras dengan pembukaan ekonomi pada awal Mei yang kini menampakkan lebih 12.7 juta atau 83.5% pekerja mula kembali bekerja (menurut data terkini Jabatan Perangkaan Malaysia).
- b. **Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah membuat keputusan untuk menyatukan atau *consolidate* ERP ke dalam program Subsidi Upah yang telah ditambah baik di bawah PENJANA.** Berkuatkuasa 15 Jun 2020, program Subsidi Upah kini membenarkan majikan memohon bantuan untuk pekerja yang mengambil cuti tanpa gaji. Subsidi upah juga lebih bersasar bagi membantu pekerja dalam sektor pelancongan dan sektor-sektor yang masih di dalam senarai aktiviti dilarang semasa tempoh PKPP.

- c. Memandangkan bantuan ini diberikan kepada mereka yang bekerja dan cuti tanpa gaji, program Subsidi Upah yang dilanjutkan selama 3 bulan ini dijangka akan dapat membantu majikan mengekalkan lebih banyak pekerja dan menyelamatkan pekerjaan, insyaAllah.

25. Kedua, ialah konsolidasi program-program fasiliti dan bantuan pembiayaan untuk perniagaan termasuk PKS.

- a. Di bawah PRIHATIN, pembiayaan sebanyak **RM7 bilion** untuk membantu PKS telah diberikan melalui Bank Negara Malaysia dan institusi-institusi kewangan. Ini termasuk Bantuan Kemudahan Khas (atau *Special Relief Facility*), *Agrofood Facility* dan *Automation and Digitalisation Fund*, serta skim kredit mikro.

PRIHATIN	RM bilion
SRF	5.0
ADF	0.3
Agrofood	1.0
Skim Kredit Mikro	0.7
Jumlah	7.0

- b. Di bawah PENJANA pula, Kerajaan telah mendengar keluhan PKS yang tidak dapat menikmati beberapa bantuan, seperti SRF yang mana peruntukannya cepat dipohon. Maka khas untuk PKS dan perniagaan mikro, PENJANA menyediakan peruntukkan **sebanyak RM10.95 bilion**. Ini termasuk inisiatif pembiayaan sektor pelancongan, PKS, peniaga Bumiputera, kontraktor kecil, industri kreatif dan perniagaan mikro. Program pembayaran seperti SRF dan juga PKS PENJANA akan disalurkan melalui Bank Negara Malaysia manakala program seperti Skim Kredit Mikro akan disalurkan melalui BSN dan juga TEKUN.

PENJANA	RM'billion
SRF	5.0
Tourism PENJANA	1.0
PKS PENJANA	2.0
Industri Kreatif	0.1
Kontraktor Kecil	1.6
Skim Kredit Mikro	0.75
PKS Bumiputera	0.5
Jumlah	10.95

26. Sehubungan dengan ini, memandangkan terdapat pelbagai agensi dan jenis-jenis bantuan pembiayaan ditawarkan, Kerajaan mengambil keputusan untuk menyelaraskan kesemua program-program pembiayaan agensi Kerajaan untuk perniagaan di bawah satu payung, iaitu PENJANA.

27. Pelaksanaan langkah-langkah dan inisiatif-inisiatif PRIHATIN dan PENJANA akan berjalan serentak demi manfaat Rakyat. **Unit LAKSANA** di Kementerian Kewangan akan terus memantau dan memastikan pelaksanaan kedua-dua pelan ini berjalan dengan lancar, telus dan tepat.
28. Pihak swasta banyak menyumbang kepada usaha-usaha ini dan saya amat berbesar hati bahawa kerjasama awam-swasta amat rancak. Malaysia sememangnya merupakan negara yang sangat unik dalam aspek ini. Tiada negara lain di mana kemudahan internet, baucar pembelian, moratorium bank, atau kelonggaran sewa diberikan sepertimana di Malaysia. Saya berharap kerjasama ini dapat menjadi penanda aras amalan terbaik kepada dunia.
29. Secara keseluruhannya, **Pakej PRIHATIN dan PENJANA bernilai RM295 bilion, dengan RM45 bilion suntikan fiskal langsung.**
30. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga kerja Kementerian Kewangan, Kementerian-kementerian yang lain, serta agensi-agensi berkaitan yang bekerja siang malam menyediakan PENJANA. Sekali lagi, terima kasih.

PENUTUP

Saudara dan saudara sekalian,

31. Sebelum mengakhiri ucapan minggu ini, terimalah dua rangkap pantun dari saya:

*Belari-lari di atas bukit,
Sampai ke puncak indahnyanya pandangan,
Patuh SOP elak jatuh sakit,
Moga sihat dan selamat berpanjangan.*

*Sahabatku Rahman pergi ke pasar,
Membeli makanan untuk keluarga,
Bantuan Kerajaan haruslah bersasar,
Bersama menjana ekonomi negara.*

32. Sekian sahaja Laporan Laksana buat kali ini, sehingga kita berjumpa lagi.
33. Wabillahitaufik walhidayyah. Assalamualaikum wbt, *stay safe*, dan salam hormat. Kuatkan semangat, teruskan muafakat, InsyaAllah kita pasti menang!